

02 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Bantahan)

MAHKAMAH TINGGI TOLAK BANTAHAN AWAL ANWAR

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak bantahan awal Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pertuduhan ke atasnya yang undang-undang mengenainya telah dimansuhkan.

Hakim Datuk S. Augustine Paul berkata Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 masih belum dimansuhkan sepenuhnya kerana belum lagi dikemukakan di Dewan Negara.

Beliau membuat keputusan itu setelah peguam bekas Timbalan Perdana Menteri itu, Raja Aziz Addruse mengemukakan bantahan awal mengenai persoalan undang-undang berkenaan.

Anwar dituduh mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970.

Raja Aziz dalam permohonannya berkata Dewan Rakyat pada 22 Okt lepas telah meluluskan pemansuhan ordinan itu yang akan berkuatkuasa retrospektif pada 8 Jan 1998 apabila Akta Pencegahan Rasuah 1997 dikuatkuasakan.

"Saya cadangkan pendakwaan tidak meneruskan kes ini buat sementara waktu sehingga ordinan berkenaan dimansuhkan oleh Dewan Negara," katanya.

Seorang lagi peguam Christopher Fernando berhujah bahawa Anwar tidak boleh didakwa mengikut akta baru itu kerana kesalahan-kesalahan itu didakwa dilakukan antara 12-18 Ogos 1997.

Dewan Rakyat pada 22 Okt lepas telah meluluskan usul pembatalan Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 mulai 8 Jan tahun ini berikutan penguatkuasaan Akta Pencegahan Rasuah pada tarikh yang sama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohd Nazri Aziz berkata, pembatalan ordinan No 22 itu mengikut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Nazri memberitahu Dewan, Akta Pencegahan Rasuah itu sebelum ini menggabungkan tiga rang undang-undang rasuah iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1960.

Pembatalan Ordinan No 22 terpaksa dibawa ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta diperkenankan oleh Yang Di-pertuan Agong sebelum boleh dibatalkan.

Terdahulu Raja Aziz berkata, tuduhan terhadap Anwar tidak boleh diteruskan kerana ia baru diluluskan di Dewan Rakyat dan belum dibawa ke Dewan Negara.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail ketika berhujah berkata Dewan Rakyat telah membuat ketetapan membatalkan ordinan mulai 8 Jan lepas dan untuk membatalkan sesuatu ordinan di bawah perkara 150 Perlembagaan, kedua-dua dewan hendaklah membuat resolusi masing-masing.

"Dalam perkara ini adalah tidak boleh dinafikan bahawa Dewan Negara belum lagi membuat resolusi untuk membatalkan Ordinan 22 itu dan tuduhan terhadap Anwar didakwa berlaku pada Ogos 1997 dan dia didakwa pada 29 Sept lepas," katanya.

Beliau berkata, Ordinan 22 adalah sama seperti akta-akta Parlimen yang lain.

Abdul Gani menurut Fasal (2c), sesuatu ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2b) hendaklah berkuatkuasa sama seperti akta Parlimen yang lain dan hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya seolah-olah ia akta Parlimen sehingga ia dibatal atau dimansuhkan di bawah Fasal (3) atau sehingga ianya luput di bawah Fasal (7).

"Ordinan 22 diisytihar pada 21 Feb 1970 dan tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan yang menyatakan bahawa Akta Interpretasi tidak boleh digunakan," katanya.

Walaupun hanya Dewan Rakyat membuat resolusi, pihak pendakwaan masih boleh menuduh Anwar mengikut Seksyen 30 Akta Interpretasi.

Katanya walaupun Ordinan 22 telah dimansuhkan, tidak ada yang boleh menyekat kuasa pendakwaan untuk mengenakan tuduhan tetapi yang lebih penting ialah ordinan itu belum lagi dimansuhkan kerana Dewan Negara belum meluluskan usulnya.

Pada perbicaraan itu juga Raja Aziz memohon mahkamah supaya mengambil tindakan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah yang didakwa menghina mahkamah kerana mengeluarkan kenyataan berhubung kes Anwar.

Mahkamah Tinggi pada 5 Okt lepas melarang kes Anwar dibincangkan secara umum.

Beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir yang disiarkan dalam akhbar berbahasa Inggeris Sabtu lepas membincangkan kes Anwar manakala Mohtar pula mengeluarkan kenyataan bahawa Anwar akan menghadapi beberapa tuduhan lain selepas kes ini selesai.

Hakim bagaimanapun mengarahkan beliau mengemukakan permohonan lain untuk berbuat demikian.

Sebelum itu, peguam Karpal Singh yang memohon menjadi peguam pemerhati bagi pihak Sukma Darmawan Sasmitaat Madja memohon kepada mahkamah supaya membuat suatu ketetapan sama ada beliau (Karpal) telah menghina mahkamah berikutan kenyataan akhbar Kelab Senator Malaysia bahawa beliau melanggar satu perintah mahkamah.

Hakim berkata, kenyataan itu hanya satu pihak dan meminta Karpal menunggu sehingga kes selesai.

-- BERNAMA

NHD AHH MAI